

11/11/1999

## Mahathir tanding di Kubang Pasu

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan beliau akan bertanding semula di kawasan Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum kali ini.

"Tak ada sebab saya nak lari dari Kubang Pasu," kata Perdana Menteri ketika ditanya sama ada beliau akan mempertahankan kerusinya itu, yang dimenangi dengan selesa pada pilihan raya umum lalu.

Beliau menjawab soalan pemberita pada sidang akhbar selepas mengumumkan pembubaran Parlimen, di sini hari ini.

Dr Mahathir bertanding dan memenangi kerusi Parlimen Kota Setar Selatan (sekarang Kubang Pasu) pada pilihan raya umum 1964. Bagaimanapun, pada pilihan raya umum 1969, beliau tewas kepada calon Pas, Yusof Rawa.

Beliau bagaimanapun memenangi semula kerusi itu pada pilihan raya umum 1974 dan sejak itu mewakili kawasan berkenaan. Pada pilihan raya umum 1995, Dr Mahathir menewaskan calon Pas, Ahmad Ma'alim dengan majoriti 17,226 undi.

Ada 47,356 pengundi berdaftar di Kubang Pasu untuk pilihan raya umum akan datang. Parlimen Kubang Pasu mempunyai dua kerusi Dewan Undangan Negeri iaitu Tunjang dan Jitra, kedua-duanya dipegang oleh Barisan Nasional (BN).

Ketika ditanya mengenai rancangan pesaraannya, Dr Mahathir secara berseloroh berkata beliau "akan bersara satu hari nanti."

Kepada soalan sama ada pilihan raya kali ini yang terakhir baginya, Perdana Menteri menjawab: "Sebelum inipun (pada pilihan raya umum 1995), saya ingat itulah kali terakhir."

Jawapannya itu disambut dengan ketawa.

Dr Mahathir berkata, beliau hanya boleh merancang tetapi Allah yang akan menentukan.

"Kita selalu kata insya-Allah. Saya boleh merancang sesuatu tetapi kejayaan rancangan itu bukan hak saya untuk menentukan," kata beliau.

(END)